



**MAJLIS PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)**

## **Peraturan Pemarkahan**

**MODUL BERFOKUS KBAT SPM**

**BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.  
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- |           |   |                  |
|-----------|---|------------------|
| a) Isi    | - | <b>20 markah</b> |
| b) Bahasa | - | <b>10 markah</b> |

- a) **Isi [20 markah]**

**Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- iii. Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan**

<b>Pendahuluan</b> : 2 markah	<b>Markah</b>
Petikan membincangkan <b>sifat-sifat / kriteria-kriteria / tanda-tanda / karakter</b> anak autisme <b>dalam kalangan masyarakat.</b>	2
Petikan membincangkan <b>sifat-sifat / kriteria-kriteria / tanda-tanda / karakter</b> anak autisme dan <b>punca-punca berlakunya autisme.</b>	2
Rumusan membincangkan <b>sifat-sifat / kriteria-kriteria / tanda-tanda / karakter</b> anak autisme dan <b>usaha ibu bapa untuk membantu perkembangan mereka.</b>	2
Petikan / Rumusan membincangkan <b>sifat-sifat / kriteria-kriteria / tanda-tanda / karakter</b> anak autisme.	1
Petikan / Rumusan membincangkan ciri-ciri anak autisme.	0
Petikan / Rumusan membincangkan ciri-ciri anak autisme dan usaha ibu bapa untuk membantu perkembangan mereka.	0

**Isi Tersurat [4 – 12 markah] - Ciri-ciri anak autisme**

1. pada usia enam bulan, bayi tersebut tidak mengukir senyuman dan tidak menunjukkan ekspresi gembira. 2
2. bayi tidak mempunyai hubungan mata/hubungan mata yang terhad apabila berlakunya proses interaksi. 2
3. perkembangan pertuturan yang lambat. 2
4. cepat marah dengan perubahan kecil dalam rutin atau persekitarannya. 2
5. tidak menghiraukan keadaan sekeliling malah tidak merasai kewujudan orang lain. 2
6. mereka boleh mengamuk. 2
7. tidak boleh mengawal tekanan apabila sesuatu keinginannya tidak dipenuhi. 2
8. mereka mempunyai tindak balas luar biasa/reaksi keterlaluan terhadap bunyi, cahaya, warna dan rasa. 2
9. sering menunjukkan tingkah laku yang berulang. 2

**Isi tersirat [4 – 12 markah] - Usaha ibu bapa untuk membantu perkembangan mereka**

1. membawa anak autisme mendapatkan terapi daripada doktor/pakar/kaunselor. 2
2. memahami emosi anak-anak autisme/melayani kehendak mereka. 2
3. memberikan kasih-sayang tanpa ada unsur pilih kasih/melebihkan perhatian berbanding anak-anak yang lain. 2
4. memberikan galakan, dorongan dan nasihat kepada anak autisme/motivasi. 2
5. melatih anak autisme berdikari agar boleh meneruskan kehidupan normal. 2
6. menghantar anak autisme ke sekolah pendidikan khas. 2

*(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)*

**Kesimpulan [2 markah]**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah prihatin kepada anak-anak autisme agar tanggapan negatif terhadap mereka dapat dihakis.

2

Kesimpulannya, kerajaan haruslah menjaga kebajikan anak-anak autisme agar mereka mendapat layanan yang sama seperti insan biasa.

2

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

**b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan.</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.</li> </ul>

**Nota :**

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

**1. Soalan 2 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

- (i) Rangkai kata *pendekatan yang terbaik* bermaksud:
- kaedah / cara / langkah / usaha yang berkesan / efektif / efisien [2 markah]
  - kaedah / cara / langkah / usaha yang terbaik [1 markah]
  - pendekatan yang berkesan / efektif / efisien [1 markah]
- (ii) Punca-punca berlakunya autisme:
- P1 usia ibu dan bapa yang meningkat/berkahwin pada usia yang lewat  
 P2 faktor genetik apabila ibu atau bapa mempunyai sejarah autisme dalam keluarga  
 P3 Komplikasi semasa proses kehamilan boleh mengganggu fungsi otak akibat jangkitan
- [3 markah]  
 [isi cukup: 2 isi]
- (iii) Usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu kanak-kanak autisme:
- P1 menubuhkan lebih banyak sekolah khas bermasalah pembelajaran  
 P2 mengadakan sambutan Hari Autisme untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat  
 P3 mengadakan kempen kesedaran berkaitan autisme di media elektronik  
 P4 memberikan bantuan sara hidup kepada golongan autisme / elauan khas / kad OKU.  
 P5 memberikan peluang pekerjaan kepada penghidap autisme di sektor awam atau swasta tanpa ada pilih kasih  
 P6 potongan / diskain untuk perubatan, kos perkhidmatan awam.
- [4 markah]  
 [isi cukup: 3 isi]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

- (i) Kata-kata Mel yang menyebabkan bonda memandang saya dengan pandangan yang penuh prejudis:
- P1 Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah.  
 P2 Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini.  
 P3 Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja  
 P4 Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata  
 P5 Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.
- [2 markah]  
 [Isi Cukup : 2 isi]
- (ii) Kepentingan lain mempelajari mata pelajaran Sejarah:
- P1 sebagai pedoman hidup / pengajaran / panduan hidup/ iktibar  
 P2 akan lebih rasional dalam membuat keputusan  
 P3 akan lebih menebal kecintaan terhadap tanah air/ memupuk patriotisme  
 P4 menghargai kemerdekaan yang dikecap masa ini  
 P5 mengenali/ menghargai perjuangan tokoh-tokoh nasionalis  
 P6 tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan
- [3 markah]  
 [Isi cukup : 2 isi]

(iii) Satu persoalan dalam petikan:

- **Kepentingan sejarah dalam kehidupan**

Contohnya : Bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah.

- **Kehidupan yang mementingkan kebendaan/ materialistik**

Contohnya : Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat, dan kekayaan di bumi mewah ini.

Satu persoalan dalam keseluruhan cerpen:

- **Kehidupan kota yang penuh dengan cabaran**

Contohnya:- anak-anak muda hilang maruah dan jati diri kerana mereka tidak segan silu menjual bahasa dan melanggar hukum agama

- **Persoalan keinginan anak muda berhijrah ke bandar untuk membina kehidupan**

Contoh: 'Saya' memohon keizinan ibunya untuk berhijrah ke bandar bagi membina kehidupannya seperti kebanyakan remaja yang lain.

- **Persoalan peranan penjajah dalam usaha memecahbelahkan rakyat sesebuah negara.**

Contoh : Pihak penjajah telah menjalankan sistem pecah dan perintah agar agihan kekayaan negara tidak beraku secara adil hingga menimbulkan rusuhan kaum akibat rasa tidak puas hati rakyat.

- **Persoalan kegigihan anak muda mempelajari segala ilmu untuk meneruskan kehidupannya**

Contoh: 'Saya' tekun belajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kehidupan sebelum berhijrah ke bandar.

- **Persoalan ketataan seorang anak terhadap nasihat ibunya**

Contoh: Saya mentaati nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana pada pendapat ibunya 'saya' masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di bandar.

- **Kebimbangan seorang ibu terhadap anaknya**

Contoh: Ibu keberatan untuk melepaskan 'saya' ke bandar kerana bimbang 'saya' terpengaruh akan budaya negatif yang terdapat pada remaja di bandar.

[4 markah]  
[Isi cukup : 2 isi (1+1)]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

- (i) Sifat-sifat fizikal Seri Nara Diraja:

P1 usianya sudah tua  
 P2 bulu mata dengan bulu kening bertemu

**[2 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (ii) Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja:

P1 mereka saling bermuafakat/ bekerjasama/ membantu  
 P2 menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan  
 P3 Seri Nara Diraja memberi cadangan kepada sultan untuk melantik Paduka Raja menjadi bendahara.

**[3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) Kesan-kesan kepada negara:

P1 rakyat dalam negara berpecah-belah/ rakyat menjadi tidak bersatu  
 P2 ekonomi akan terbantut/ mundur/ merosot  
 P3 pembangunan negara terbantut/ mundur/ merosot  
 P4 imej / nama baik negara merosot/tercemar  
 P5 negara menjadi tidak aman  
*(Kesan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai )*

**[3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

**Soalan 2 (d): Gurindam**

- (i) 'Aku' berdasarkan sajak:

P1 seorang penyelamat maruah  
 P2 seorang yang berjuang atas dasar kebenaran  
 P3 seorang yang menentang kebobrokan/penyelewengan

**[2 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (ii) Peranan pelbagai pihak untuk mengatasi penganiayaan terhadap haiwan:

P1 pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang ketat/tegas/mengenakan hukuman berat kepada mereka yang melakukan penganiayaan haiwan  
 P2 menubuhkan agensi khas/badan/NGO Perlindungan Haiwan mengatasi masalah ini (seperti SPCA)  
 P3 masyarakat melaporkan kepada pihak berkuasa tentang kejadian penganiayaan haiwan  
 P4 pihak media massa mewara-warakan mesej tentang sifat ihsan / belas kasihan terhadap haiwan  
 P5 pihak sekolah menyedarkan para pelajar tentang masalah penganiayaan haiwan/cara-cara mengatasi  
 P6 ibu bapa menasihati anak-anak daripada terlibat dalam sebarang tindakan penganiayaan haiwan.

**[3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak:

- Kita mestilah berani menghadapi pelbagai rintangan tanpa mudah berputus asa – Contohnya, penjaga kuda berani menempuh berbagai-bagai kepayahan dan rintangan sewaktu menjaga kuda-kuda itu.
- Kita perlulah gigih berusaha dalam melaksanakan tugas. Sebagai contohnya, sang gembala kuda sangat gigih dalam melaksanakan tugasnya memburu kuda-kuda liar / demi memastikan kuda-kudanya dikandangkan .
- Kita sewajarnya patuh akan arahan dan suruhan ketua demi keharmonian sesebuah organisasi – Contohnya, sekumpulan kuda digambarkan patuh akan arahan penjaga kuda.
- Kita hendaklah bijak dalam merancang dan menjalankan tugas dengan baik dan sempurna – Contohnya, penjaga kuda bijak mengawal kuda tunggangannya ketika dia menghalau kuda-kuda itu masuk ke kandang.
- Kita hendaklah berjuang demi kebenaran-misalnya penyajak berjuang atas kebenaran demi menentang semua kebobrokan misalnya penyajak berjuang menegakkan keadilan daripada sebarang kebobrokan
- Kita hendaklah berani menghadapi halangan/kesukaran dalam mengendalikan sesuatu pekerjaan yang dilakukan-contohnya Sang Gembala Kuda sanggup meredah onak ketika memburu kuda
- Kita haruslah bersikap tegas ketika menjalankan tugas - Misalnya Sang Gembala Kuda mampu mengawal kuda-kuda kerana dia bersikap tegas/Sang Gembala Kuda menggunakan kuasa yang ada padanya dan sesekali menggunakan suaranya yang kuat untuk menakutkan kuda-kuda itu.

[4 markah]  
[Isi cukup : 2 isi (1+1)]

### Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

#### **Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

#### **Soalan 3 (a) – Membina Ayat**

- |                     |   |  |
|---------------------|---|--|
| (i) jam tangan      | - | jam yang dipakai di tangan   |
| (ii) beri laluan    | - | benarkan pihak lain melalui  |
| (iii) kereta sorong | - | kereta yang digerakkan dengan menyorong / menolak                          |
| (iv) lintas hormat  | - | lalu dengan cepat sambil memberi hormat / tabik                            |
| (v) cermin sisi     | - | cermin yang dipasangkan pada sisi kanan atau pada kedua-dua sisi kenderaan |
| (vi) kalis air      | - | tidak dapat dimasuki air   |

[6 markah]

#### **Soalan 3 (b) - Tukarkan ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah.**

- (i) Malik menasihati Farid agar berhati-hati jika dia hendak ke Genting Highland ketika memandu kerana jalan raya di situ bengkang-bengkok.
- (ii) Amirul mengajak Asyikin keluar makan tengah hari di Restoran Nasi Arab pada waktu rehat.
- (iii) Ramu memuji Vinod kerana dia berjaya mengumpul banyak kotak petang itu.

[6 markah]

**Soalan 3 (c) kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan.**

- |       |                           |   |                           |
|-------|---------------------------|---|---------------------------|
| (i)   | korperat<br>diberikan     | - | korporat<br>memberikan    |
| (ii)  | tercurah-curah<br>kampong | - | mencurah-curah<br>kampung |
| (iii) | rapthai<br>pesembahan     | - | raptai<br>persembahan     |

[6 markah]

**Soalan 3 (d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa.**

- |       |                             |   |                             |
|-------|-----------------------------|---|-----------------------------|
| (i)   | mewah<br>dan                | - | megah<br>atau               |
| (ii)  | berangkat<br>di             | - | balik / pulang<br>pada      |
| (iii) | terhumban<br>digital kamera | - | terhempas<br>kamera digital |

[6 markah]

**Soalan 3 (e) Peribahasa**

- (i) Ibarat menarik rambut / benang di dalam tepung, rambut / benang tidak terputus, tepung tidak terurai / berselerak.
- (ii) rambang mata
- (iii) seperti kacang lupakan kulit / ulat lupakan daun

[6 markah]

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4****Soalan 4(a)**

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :  
Baik = 3 markah  
Sederhana = 2 markah  
Lemah = 1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

**Soalan 4(b)**

- i. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraiyan yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;  
Baik = 2 markah  
Lemah = 1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

**PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL**

(a) Latar Tempat

**Novel Jendela Menghadap Jalan**

1. Kuala Lumpur – Tempat tinggal Lili dan keluarganya
2. Stesen bas - Lili menaiki bas dari Kuala Lumpur ke kampung datuk dan neneknya di Dungun, Terengganu.
3. Perhentian bas Pekan Sentosa, Dungun, Terengganu - Lili berhenti sebelum ke Kampung Sentosa, tempat tinggal datuk dan nenek Lili.
4. Pekan Sejahtera, Dungun, Terengganu - Tempat tinggal Geetha
5. Surau - tempat orang kampung berkumpul
6. Bangsal di tepi sawah – Lili menunggu neneknya yang bekerja di sawah padi
7. Hutan - tempat datuk mencari tumbuhan-tumbuhan herba dan akar kayu
8. Jeti nelayan - tempat Lili, Geetha dan Danel menyaksikan matahari terbit.

**Novel Songket Berbenang Emas**

1. Padang bola jaring – Dahlia berlatih bola jaring bersama dengan rakannya, Siti Wangi.
2. Kantin – Tempat Azhari menunggu Dahlia
3. SMK Tun Ismail – lima kilometer dari kampung halaman, tempat Azhari dan Dahlia pernah belajar sewaktu Dahlia Tingkatan satu dan Azhari Tingkatan Lima
4. Sekolah Menengah Temenggung Ibrahim - Dahlia menimba ilmu sebagai pelajar tingkatan enam. Dia tinggal di asrama sekolah ini.
5. Bilik Kerjaya - Dahlia bertemu dengan Cikgu Hisyam di bilik ini, Cikgu Hisyam mendapat tahu masalah Dahlia daripada Kavita.
6. Kebun getah- 20 meter dari rumah seluas lima ekar tempat Saleha menoreh getah
7. Kampung Parit Haji Rais – Tempat tinggal Dahlia. Di sini, Dahlia menjaga adik-adiknya, Melati, Kiambang, Mawar, dan Anggerik setelah emaknya dirawat di hospital.
8. Hospital Batu Pahat (Wad 6) - Tempat Saleha dibawa untuk mendapatkan rawatan pada peringkat awal.
9. Hospital Batu Pahat (Wad 4) - Abah Dahlia dirawat di hospital ini setelah dipatuk ular.
10. Hospital Permai, Johor Bahru – Tempat emak Dahlia dirawat di bilik 16. Di sini juga Azhari bekerja sementara setelah mendapat segulung ijazah.

11. Sungai – kira-kira 45 meter dari rumah Dahlia- Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di sungai ini.
12. Kebun kelapa sawit di Parit Haji Kadir - Kira-kira dua kilometer dari rumah Dahlia di sinilah Embong memotong kelapa sawit setelah pulang dari rumah Aton. Di kebun kelapa sawit inilah ular sawa telah membabit Embong.
13. Sekolah Kebangsaan Jelotong- Said dan Melati bersekolah di sini
14. Rumah Aton kira-kira 150 meter dari rumah Dahlia - Dahlia disindir oleh Aton kerana dikatakan Dahlialah yang menyebabkan Said mati lemas.
15. Balai raya Kampung Parit Haji Rais - Beberapa orang penduduk bergotong – royong semasa majlis sambutan Maulidur Rasul. Selain itu, di sini juga menjadi tempat pemindahan mangsa banjir yang berlaku di kampung Dahlia.

(b) Kepincangan masyarakat

#### **Novel Jendela Menghadap Jalan**

1. Kepincangan masyarakat yang terlibat dalam gejala sosial - Sebagai contohnya, Rafik dan Haziq suka mencuri harta benda orang kampung. Selain itu, mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
2. Kepincangan masyarakat yang terlibat dalam masalah perjudian. - Sebagai contohnya, Seman, suami Che Jah seorang kaki judi sehingga sanggup mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga.
3. Kepincangan masyarakat yang bercanggah pendapat. Sebagai contohnya, penduduk kampung yang mengalami percanggahan pendapat mengenai peletakan kubah di surau ataupun membina masjid yang baharu.
4. Kepincangan masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contohnya, suami Cik Jah iaitu Pak Seman sering memukul Cik Jah. Dia juga sering berjudi sehingga melupakan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga.
5. Kepincangan masyarakat yang suka memandang serong terhadap kekurangan orang lain. Sebagai contohnya, Rafik dan Haziq sering menjadi mangsa hinaan dan kutukan masyarakat kampung secara berterusan kerana suka mencuri, menagih dadah dan pecah rumah. Bagi Lili, mereka ialah manusia biasa yang memerlukan bantuan untuk berubah.

**Novel Songket Berbenang Emas**

1. Kepincangan masyarakat yang berprasangka buruk terhadap orang lain. Sebagai contohnya, Aton dan Nek Kiah berprasangka buruk terhadap keluarga Dahlia. Nek Kiah suka menghina Dahlia dan keluarganya disebabkan kemiskinan mereka. Aton suka menabur fitnah terhadap Dahlia dengan mengatakan bahawa Dahlia sudah ditebus tupai kerana lelaki datang ke rumahnya silih berganti.
2. Kepincangan masyarakat yang terlibat dalam gejala sosial. Sebagai contohnya, Abu Bakar suka berfoya-foya dengan rakan-rakannya sehingga sanggup mencuri kambing milik bapanya sendiri.
3. Kepincangan masyarakat yang suka menghina. Sebagai contohnya, Mak Aton yang suka menghina Dahlia dan keluarganya disebabkan kemiskinan mereka. Mak Aton juga suka menabur fitnah terhadap Dahlia dengan mengatakan bahawa Dahlia sudah ditebus tupai kerana lelaki datang ke rumahnya silih berganti.
4. Kepincangan masyarakat yang mempunyai hasad dengki. Sebagai contohnya, Abu Bakar menjumpai bungkusan kain merah yang mengandungi telur yang sudah busuk. Telur itu berisi jarum peniti, cincin akik, butiran pasir dan dua batang paku yang dijumpai mereka di bawah rumah. Bungkusan itu ditanam oleh seseorang yang dengki akan mereka.
5. Kepincangan masyarakat yang memandang serong dengan kemiskinan orang lain. Sebagai contohnya, Nek Kiah tidak suka akan menantunya Embong dan cucu-cucunya kerana hidup dalam kemiskinan sedangkan anak-anaknya yang lain berjaya dalam kehidupan.
6. Kepincangan masyarakat yang tidak mahu menerima ketentuan takdir. Sebagai contohnya, Aton telah menuduh Dahlia yang menyebabkan anaknya, Said mati lemas walaupun Dahlia sanggup berkorban nyawa dengan terjun ke sungai untuk menyelamatkan Said.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**